

Analisis Pengiktirafan Nilai-nilai Murni Nabi Muhammad SAW Menurut Abi al-Hasan Ali al-Hasani al-Nadawi dalam *Kitab Sirah Khatamun Nabiyyin Lil Atfal*

BITARA

Volume 6, Issue 2, 2023: 169-184
 © The Author(s) 2023
 e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
 Received: 18 March 2023
 Accepted: 18 April 2023
 Published: 28 Mei 2023

[Recognitional Analysis of The Values of the Prophecy of Prophet Muhammad SAW by Abi Abi al-Hasan Ali al-Hasani al-Nadawi in The Kitab Sirah Khatamun Nabiyyin Lil Atfal]

Siti Mariam Abdullah¹ & Shaik Abdullah Hassan Mydin*¹

¹ Department of Civilization, School of Distance Education, University Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang, MALAYSIA.
 E-mail: shaikhabdullah@usm.my

*Corresponding Author: shaikhabdullah@usm.my

Abstrak

Agama Islam sangat mementingkan nilai-nilai murni dalam kehidupan sehari-hari. Bersesuaian dengan definisinya iaitu sesuatu sifat yang bernilai tidak tercemar serta dipelihara ketulennanya hingga membentuk akhlak dan tingkah laku yang mulia. Melalui contoh teladan agung nabi Muhammad SAW. Akhlak atau perlakuan yang zahir pada diri nabi Muhammad SAW merupakan terjemahan dari al-Quran al-Karim wahyu Allah SWT. Nabi Muhammad SAW menzahirkan melalui percakapan, pertuturan dan perbuatan menjadikan semua ini sebagai sunnah nabi Muhammad SAW. Segala yang dipamerkan oleh nabi Muhammad SAW menjadi perhatian samada keluarga beliau, sahabat handai, pemimpin dan juga yang bukan Islam. Mereka mengagumi dan mengiktiraf segala akhlak nabi Muhammad SAW. Justeru itu, artikel ini akan mengetengahkan analisis pengiktirafan nilai-nilai murni nabi Muhammad SAW menurut Abi al-Hasan Ali al-Hasani al-Nadawi dalam Kitab Sirah Khatamun Nabiyyin Lil Atfal.

Kata kunci: Nilai-nilai murni, nabi Muhammad SAW, Abi Al-Hasan Ali Al-Hasani Al-Nadawi.

Abstract

Islam is very important in the values of daily life. In accordance with its definition of an attribute of value that is not tainted and preserved in its purity to the point of forming a noble character and behavior. By the example of the great prophet Muhammad. The moral or ethical behavior of the prophet Muhammad is a translation of the Quranic al-Karim revelation of Allah Almighty. The Prophet Muhammad (peace and blessings be upon him) made it clear through his conversations, speeches and actions that he made this sunnah of the prophet Muhammad SAW. Everything exhibited by the prophet Muhammad SAW was of concern to his family, friends, leaders and even non-Muslims. They admired and recognized all the virtues of the prophet Muhammad. Thus, this article will highlight the analysis of the recognition of the pure values of the prophet Muhammad SAW according to Abi ASI-Hasan Ali Al-Hasani Al-Nadawi in The Book of Khatamun Nabiyyin Lil Atfal.

Keywords: Pure values, the Prophet Muhammad, Abi Al-Hasan Ali Al-Hasani Al-Nadawi.

Cite This Article:

Siti Mariam Abdullah & Shaik Abdullah Hassan Mydin. (2023). Analisis Pengiktirafan Nilai-nilai Murni Nabi Muhammad SAW Menurut Abi al-Hasan Ali al-Hasani al-Nadawiy dalam Kitab Sirah Khatamun Nabiyyin Lil Atfal [Recognition Analysis of The Values of the Prophecy of Prophet Muhammad SAW by Abi Abi al-Hasan Ali al-Hasani al-Nadawiy in The Kitab Sirah Khatamun Nabiyyin Lil Atfal]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(2): 169-184.

Pengenalan

Abi al-Hasan Ali al-Hasani Al-Nadawiy tokoh yang tidak asing lagi dalam pelbagai bidang termasuk di dalam bidang Sirah Nabawiah dan Pendidikan Islam. Beliau amat menitik beratkan penerapan nilai-nilai murni dalam membentuk individu Muslim yang bertaqwah. Menurut Abi Hasan Al-Nadawiy beliau mengangkat nilai-nilai murni dalam semua bidang, terutamanya bidang pendidikan. Beliau berpendapat sistem pendidikan perlu kembali kepada ajaran Islam tanpa meminjam dari mana-mana sistem pendidikan selain dari Islam. Apabila kita mengambil sistem lain, maka umat Islam akan mengalami kecelaruan dan kekeliruan kerana sistem Barat kosong dari pengisian agama. Sedangkan hakikat pendidikan Islam yang tulen dan bersih perlu mempunyai pengisian akidah, rohani dan akhlak yang mantap. Abi Hasan Al-Nadawiy telah menzahirkan pemikirannya melalui karya beliau iaitu '*Pendidikan Islam yang tulen*' dan '*Kembali kepada Islam yang sebenar*'. Kedua-kedua penulisan tersebut sangat menekankan nilai-nilai murni ialah hasil dari pemantapan iman, mengukuhkan ruh Islam sehingga melahirkan akhlak yang mulia. Abi Hasan Al-Nadawiy, sangat mementingkan nilai-nilai murni dengan digabung jalankan bersama sirah nabi Muhammad SAW sebagai rujukan dalam membentuk peribadi agung. Dari sirah nabi Muhammad SAW ini, kita dapat mengenal peribadi agung para sahabat nabi Muhammad, kerana hasil didikan baginda dan wahyu dari Allah SWT menjadikan para sahabat nabi mempunyai akhlak yang luarbiasa.

Justeru itu, penulisan ini mengangkat dan mengiktiraf nilai-nilai murni nabi Muhammad SAW melalui analisis kitab Sirah Khatamun Nabiyyin Lil Atfal menurut Abi Al Hasan Ali Al-Nadawiy dari pandangan keluarga, sahabat, pemimpin dan orang bukan Islam.

Pengiktirafan Quran dan Sunnah terhadap Nilai-Nilai Mulia Nabi Muhammad SAW

Dalam usaha memahami pengiktirafan nilai-nilai murni nabi Muhammad SAW melalui analisis kitab Sirah Khatamun Nabiyyin Lil Atfal menurut Abi Al Hasan Ali Al-Nadawiy dari pandangan keluarga, sahabat, pemimpin dan orang bukan Islam, penulis ingin menjelaskan keistimewaan nilai-nilai mulia iNabi Muhammad SAW dalam al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan tertinggi Islam.

Dalam hal ini nilai-nilai agung Muhammad SAW telah diiktiraf dalam Al-quran sepertimana berikut: Maksudnya, Dan bahawa sesungguhnya engku mempunyai akhlak yang amat mulia (Surah al-Qalam ayat 4). Hakikat nilai-nilai Nabi Muhammad SAW telah dirakamkan dengan menarik Maududi dalam tafsirnya:

The best description of the Holy Prophet's character has been given by Aishah in her statement: Kana khuluqu-hul- Quran: the Quran was his character. Imam Ahmad, Muslim, Abu Daud, Nasai, Ibn Majah, Darimi and Ibn Jarir have cited, with a little variation in wording, this saying with several chains of transmitters. This means that the Prophet had not merely presented the teaching of the Quran before the world but also given its practical demonstration by his personal example. Whatever was enjoined in the Quran was acted upon practically by himself in the first instance. Whatever was forbidden in it was shunned and avoided by himself most of all. His own self was characterized most of all by the moral qualities which were declared as sublime by it, and his own self was most free from those qualities which were declared as abhorrent and reprehensible by it. In another tradition Aishah has stated: The Prophet (peace be upon him) never hit a servant, never raised his hand on a woman, never used his hand to kill a person outside the battlefield, never avenged himself on anyone for an injury caused unless someone violated a sanctity enjoined by Allah and he avenged it for the sake of Allah. His practice was that whenever he had to choose between two things, he would choose the easier one unless it was a sin, and if it was a sin he would keep away from it most of all (Musnad Ahmad). Anas says: I served the Prophet (peace be upon him) for ten years. He never did so much as express even a slight disgust over what I did or said. He never asked why I had done what I had done, and never inquired why I had not done what I had not done. (Bukhari, Muslim).

Dalam pada itu Hadith juga sebagai bukti jelas keistimewaan nilai-nilai mulia Nabi Muhammad SAW telah diungkapkan dalam *Fath al-Bari*(2000), 6/555

“Rasulullah SAW adalah Ahmad (manusia paling terpuji) sebelum menjadi Muhammad (yang dipuji)... kerana penamaannya sebagai Ahmad terdapat di dalam kitab-kitab terdahulu (kitab samawi yang lain). Manakala penamaannya sebagai Muhammad terdapat di dalam al-Quran. Dan perkara itu kerana Nabi SAW telah memuji Tuhan-Nya sebelum manusia memuji dirinya. Begitu juga di akhirat kelak, Baginda SAW (terlebih dahulu) akan memuji Tuhan-Nya, maka Allah SWT akan memberi syafaat kepadanya. Oleh itu, manusia memujinya.”

Pengiktirafan Nilai-nilai Murni Nabi Muhammad SAW

Bahagian ini menceritakan petikan pandangan yang mengiktiraf terhadap nilai-nilai murni nabi Muhammad SAW. Melalui pengiktirafan dari keluarga, sahabat, pemimpin dan orang bukan Islam. Pengiktirafan dari keluarga seperti berikut:

Pengiktirafan Keluarga

Di dalam kitab Sirah Khatamun Nabiyyin Lil Atfal ini, terdapat tiga pengakuan mengenai nilai-nilai murni terhadap nabi Muhammad SAW. Bermula dengan Khadijah isteri kepada nabi Muhammad SAW, Abu Talib bapa saudara baginda dan Jaafar bin Abi Talib iaitu sepupu baginda nabi Muhammad SAW.

Petikan ayat di bawah, al Nadwi (2013: 26) menerangkan keyakinan Khadijah terhadap akhlak nabi Muhammad SAW:

"وَكَانَتْ مِنْ أَعْرَفِ النَّاسِ بِأَخْلَاقِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِمَا كَانَتْ مِنْهُ، وَعَشَرَتْهَا لَهُ،
وَاطْلَاعَهَا عَلَى السُّرُّ وَالْعُلَانِيَّةِ، وَقَدْ رَأَتْ مِنْ أَخْلَاقِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَشَمَائِلِهِ مَا
يُؤْكِدُ أَنَّهُ الرَّجُلُ الْمَوْقُقُ وَالْمُؤْتَدِّ مِنَ اللَّهِ، الْمُصْطَفَى مِنْ خَلْقِهِ، الْمَرْضِيُّ فِي سِيرَتِهِ وَسُلُوكِهِ، وَأَنَّ مِنْ
كَانَتْ هَذِهِ أَخْلَاقُهُ وَسِيرَتِهِ، لَا يَخَافُ عَلَيْهِ لِمَةٌ مِنَ الشَّيْطَانِ".

Maksudnya: "Khadijah adalah manusia yang paling mengenali akhlak Rasulullah kerana kedudukannya sebagai isteri. Khadijah melihat akhlak dan peribadi Rasulullah SWT sesuatu yang menguatkan kenyataan bahawa baginda adalah lelaki yang disokong oleh Allah SWT, yang terpilih akhlaknya, yang diredhoi akan sirah dan kelakuannya dan bahawa sesiapa yang memiliki akhlak yang sedemikian tidak akan dibimbangi menerima sentuhan syaitan..."

Ayat di atas menerangkan bahawa saidatina Khadijah sangat mengenali keperibadian baginda samada diketahui oleh orang lain atau tidak kerana perhubungan mereka sebagai pasangan suami isteri dan dengan itu Khadijah terus meyakinkan dan menenangkan baginda nabi Muhammad SAW yang berada dalam keadaan kebimbangan setelah menerima wahyu yang menakutkan. Hal ini kerana wahyu itu datang dari Allah SWT bukan dari gangguan syaitan. Khadijah begitu menyakini kebenaran yang dibawa oleh baginda bahawa ia bukanlah dari pengaruh syaitan dan jin kerana selama pergaulan bersama sebagai suami isteri mereka hidup bahagia penuh ketaqwaan kepada Allah SWT tanpa ada penyembahan berhala dan membuat perkara-perkara tradisi yang dilakukan oleh masyarakat jahiliah (Muhammad al-Ghazaliy, 1996:135).

Menurut al-Nadwi (2009: 79), sebelum mengahwini nabi Muhammad SAW, Khadijah terlebih dahulu mendapatkan maklumat mengenai nabi daripada Maisarah pembantu yang di upah untuk melihat dan memerhatikan segala perlakuan nabi. Terdapat tiga fasa daripada pemerhatian Maisarah tersebut. Fasa pertama ketika dalam perjalanan menuju ke negeri Syam itu, sikap nabi berbeza dari peniaga pemuda yang lain. Mulut nabi Muhammad SAW tidak putus-putus berzikir mengingat Allah SWT ini menunjukkan bahawa nabi Muhammad SAW bukanlah jenis manusia yang alpa dan lalai. Fasa kedua ialah ketika rombongan berhenti berehat, peniaga lain akan bernyanyi dan bersyair, tetapi baginda akan menyendiri dan berehat dari bergaul dengan peniaga yang sedang berhibur tersebut. Hal ini jelas bahawa nabi bukanlah jenis manusia yang suka membuang masa berhibur dan berlalai-lalai. Ketika berehat, Maisarah

didatangi oleh Rahib bernama Nastura yang bertanyakan mengenai nabi yang sedang berehat di bawah pokok. Dengan bertanyakan tanda merah di mata nabi, apabila Maisarah memberikan jawapannya, bergegas Nastura ke tempat nabi dan melihat di belakang nabi untuk mengesahkan bukti kenabiannya. Setelah pengesahan dibuat, Nastura memberitahu bahawa benarlah bahawa Muhammad ini adalah utusan Allah seperti yang telah diceritakan di dalam kitab Taurat. Maisarah mencatat segala yang didengarnya untuk diceritakan kepada Khadijah nanti.

Fasa ketiga ialah ketika nabi Muhammad SAW menjual barang dagangan. Baginda tidak berniaga seperti kebiasaan peniaga lain iaitu meletakkan harga tinggi terlebih dahulu sebelum dibuat tawar menawar. Menurut al-Nadwi (2009: 81), nabi berniaga dengan tiga cara. Cara pertama baginda meletakkan harga pokok barang tersebut dan meminta kepada pembeli untuk membayar berapa harga yang merekakehendaki dan berbaloi dengan barang tersebut. Cara kedua baginda berikan kepada orang miskin yang menghendaki barang tersebut tetapi tidak mampu iaitu dengan cara menjual dengan harga modal dan cara ketiga baginda mempamerkan akhlak mulia dengan wajah yang tersenyum manis dan layanan yang baik kepada pembeli. Cara nabi berniaga ini hanya boleh ditiru pada orang yang benar-benar yakin kepada Allah SWT sebagai sumber rezeki.

Apabila Khadijah mendengar cerita Maisarah mengenai pengalaman nabi berniaga ini, yakinlah Khadijah bahawa Muhammad bukanlah manusia biasa, sudah pasti akan datang baginda akan diuji dengan ujian yang besar. Justeru itu benarlah petikan ayat di atas bahawa saidatina Khadijah begitu mengenali akhlak baginda nabi Muhammad SAW dan bersedia dengan segala kemungkinan yang berlaku.

Seterusnya pengakuan Abu Talib sendiri yang merupakan bapa saudara nabi Muhammad SAW untuk membela nabi SAW. Walaupun Abu Talib tidak memeluk agama Islam, tetapi sokongan beliau terhadap nabi Muhammad SAW tidak pernah putus seperti mana petikan al-Nadwi (2013: 31):

فَقُلْ مَا أَحِبُّتْ، فَوْ إِلَهٌ لَا أَسْلِمُكَ لِشَيْءٍ أَبْدِاً.

Maksudnya: “Berkata Abu Talib kepada nabi Muhammad SAW: Katakanlah apa yang kamu ingin katakan. Demi Allah! Aku tidak akan sekali-kali menyerahkan kamu kepada sesiapapun”.

Menurut al-Nadwi (2004: 188) kaum Quraisy tidak berhenti untuk menganggu dakwah baginda nabi Muhammad SAW. Antara cara untuk menghalang usaha dakwah nabi Muhammad SAW, adalah melalui cara berunding dengan Abu Talib bapa saudara baginda nabi Muhammad SAW. Tiga kali pembesar Quraisy bertemu Abu Talib supaya menghentikan dakwah baginda atau menyerahkan nabi kepada mereka. Usaha mereka ini gagal, kerana Abu Talib memberikan sokongan sepenuhnya buat nabi Muhammad SAW anak saudara yang dikasihi ini.

Pembelaan kepada nabi sudah tentu kerana sifat nabi Muhammad SAW yang *al-Amin* iaitu seorang yang dipercayai akan kejujurannya menyampaikan sesuatu. Walaupun bapa saudaranya Abu Talib tidak memeluk agama Islam, tetapi nabi Muhammad SAW mendapat sokongan penuh dari bapa saudaranya itu. Baginda meneruskan apa yang disukainya iaitu menyampaikan risalah Allah SWT dengan roh dan semangat yang kental. Abu Talib merupakan

pemimpin Mekah yang dikagumi dan dihormati (Muhammad Al-Ghazaliy. 1996: 174), pembelaan Abu Talib ini sebagai pengiktirafan kepada nabi Muhammad SAW untuk melaksanakan kerja-kerja dakwah. Kaum Quraisy tidak berani mengganggu dakwah nabi Muhammad SAW kerana sokongan padu dari Abu Talib bapa saudara baginda.

Pengiktirafan juga diberikan oleh Jaafar bin Abi Talib, sepupu nabi Muhammad SAW, tentang pengakuan nilai-nilai murni yang ada pada nabi Muhammad SAW kepada raja Najasyi ketika mereka berhijrah ke Habsyah (al-Nadwi. 2013: 39):

"حَقٌّ بَعَثَ اللَّهُ إِلَيْنَا رَسُولًا مِّنْنَا، نَعْرَفُ نَسْبَهُ وَصِدْقَهُ وَأَمَانَتَهُ وَعَفَافَهُ، فَدَعَانَا إِلَى اللَّهِ لِنُوَخْدَهُ،
وَنَعْبُدُهُ، وَنَخْلُعُ مَا كَنَّا نَعْبُدُ نَحْنُ وَآبَاؤُنَا مِنْ دُونِهِ مِنَ الْحِجَارَةِ وَالْأَوْثَانِ وَأَمْرَنَا بِصَدْقِ الْحَدِيثِ، وَأَدَاءِ
الْأَمَانَةِ، وَصَلْةِ الرِّحْمِ، وَحُسْنِ الْجَوَارِ، وَالْكَفْٰ عنِ الْحَارِمِ وَالْدَّمَاءِ، وَغَنَانَا عَنِ الْفَوَاحِشِ، وَقَوْلِ
الْزُّورِ، وَأَكْلِ مَالِ الْيَتَمِّ، وَقَذْفِ الْمُحْصَنَاتِ".

Maksudnya: "Sehingga Allah SWT utuskan kepada kami seorang rasul dari kalangan kami sendiri. Kami mengenai keturunannya, kejujurannya, amanah dan kebaikannya. Dia menyeru dan mengajak kami menyembah Allah yang Esa, dan meninggalkan batu dan patung yang kami dan bapa-bapa kami sembah. Dia menyuruh kami berkata benar, menunaikan amanah, menyambung silaturrahim, bersikap baik kepada jiran tetangga dan meninggalkan yang diharamkan dan pertumpahan darah. Dia melarang kami daripada perkara yang tidak bermoral, kata-kata bohong, memakan harta anak yatim dan menuduh wanita yang suci".

Pengakuan Jaafar bin Abi Talib kepada Najasyi, raja Habsyah mengenai sifat nabi Muhammad SAW yang sentiasa menyuruh berkata benar, jujur, melaksanakan amanah dan tanggungjawab, menghubungkan silaturrahim dan berbuat baik kepada jiran tetangga membuatkan raja Najasyi terpesona walaupun baginda belum bertemu dengan Rasulullah SAW. Baginda juga tertarik dengan akhlak Jaafar dan rombongannya sehingga baginda menolak segala hadiah yang dibawa oleh utusan kaum Quraisy Mekah untuk mengembalikan orang-orang yang berhijrah ke Habsyah berdasarkan kebaikan nilai-nilai murni pada diri nabi Muhammad SAW. Akhirnya raja Najasyi membenarkan kaum Muslimin untuk terus tinggal di negeri Habsyah.

Jelas bahawa kekuatan akhlak nabi Muhammad SAW tidak dapat dibayar dengan segala harta benda seperti mana yang dinyatakan oleh al-Buthy (2003: 92) bahawa kekuatan moral atau akhlak merupakan pelindung bagi peradaban dan memberikan kekuatan kepada sesuatu kaum atau bangsa tersebut. Kekuatan akhlak atau moral melangkaui kekuatan harta. Akhlak nabi Muhammad SAW bukan sahaja terhad pada diri baginda tetapi ia juga memberi kesan kepada orang lain sehingga berjaya membentuk akhlak mereka yang terpuji.

Di akhir bab kitab *Sirah Khatamun Nabiyyin* (al-Nadwi. 2013: 39), Ali bin Abi Talib, yang merupakan sepupu dan juga menantu baginda menyatakan bahawa:

"ووصفه عليّ بن أبي طالب - رضي الله عنه - وهو من أعرف الناس به، وأكثرهم عشرة له، وأقدرهم على الوصف والبيان، فقال: لم يكن فاحشاً، متفحشاً، ولا صحباً في الأسواق، ولا يجزي السيئة بالسيئة، ولكن يعفو ويصفح، ما ضرب بيده شيئاً قطّ، إلا أن يجاهد في سبيل الله، ولا ضرب خادماً ولا امرأة، وما رأيته منتصراً من مظلمة ظلمها قطّ ما لم ينتهك من محارم الله تعالى شيء، فإذا انتهك من محارم الله، كان من أشدّهم غضباً، وما خير بين أمرتين إلا اختار أيسرهما".

Maksudnya: "Ali bin Abi Talib r.a yang merupakan orang yang paling mengetahui tentang baginda SAW, paling banyak hidup dengannya dan paling mampu menerangkan sesuatu dengan sebab kefasihannya telah mengambarkan sifat dan budi pekerti Rasulullah SAW. Beliau berkata: "Nabi adalah seorang yang tidak pernah berbuat dan berkata keji, tidak dilahirkan dengan sifat demikian, tidak berteriak-teriak di pasar-pasar dan tidak membala perbuatan yang hina dengan perkara yang hina tetapi baginda sentiasa memaafkan kesalahan orang lain. Baginda tidak pernah memukul orang dengan tangannya kecuali dalam perang berjihad di jalan Allah. Baginda tidak memukul hamba dan wanita. Aku sekali-kali tidak pernah melihat baginda membala dendam terhadap kezaliman selama mana tidak dicerobohi apa yang dilarang oleh Allah. Jika larangan Allah dicerobohi maka bagindalah orang yang paling murka. Jika diberi dua pilihan maka baginda akan memilih yang paling mudah untuk melakukannya".

Penjelasan Ali yang penuh sastera dan halus ini menunjukkan akhlak dan nilai murni baginda nabi Muhammad SAW yang tiada tolak bandingannya. Akhlak mulia baginda ini bukan semata-mata gambaran indah tetapi suatu panggilan kepada ummah untuk dijadikan contoh tauladan sepanjang zaman.

Pengiktirafan Sahabat

Di dalam kitab Sirah Khatamun Nabiyyin Lil Atfal juga menyebut beberapa pengakuan sahabat nabi Muhammad SAW yang memeluk agama Islam setelah melihat akhlak dan nilai-nilai mulia baginda samada melalui pengakuan secara lisan maupun secara perbuatan. Sahabat yang dinyatakan di sini ialah Zaid bin Harithah, Zaid bin Dasinah, Tsumamah bin Atsal dan 'Adi bin Hatim. Kisah Zaid bin Harithah ini direkodkan oleh al-Nadwi (2013: 28):

"وَأَسْلَمَ زَيْدُ بْنُ حَارِثَةَ مَوْلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَانَ قَدْ تَبَّاهَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَكَانَ إِسْلَامُ هُؤُلَاءِ شَهَادَةً أَقْرَبَ النَّاسِ إِلَيْهِ، وَأَعْرَفُهُمْ بِهِ، وَبِصَدَقَةٍ، وَإِخْلَاصَهُ، وَحَسْنَ سِيرَتِهِ، وَأَهْلَ الْبَيْتِ أَدْرِي بِمَا فِيهِ".

Maksudnya: "Zaid bin Harithah telah memeluk Islam. Beliau adalah hamba Rasulullah SAW. Baginda telah menjadikannya sebagai anak angkat. Mereka yang awal memeluk Islam ini adalah mereka yang paling hampir dengan Rasulullah SAW, paling mengenali dirinya, kebenarannya, keikhlasannya dan keindahan akhlaknya. Ahli keluarga Rasulullah SAW tentulah lebih mengetahui tentang keperibadian baginda".

Peringkat awal dakwah nabi Muhammad SAW secara sembunyi telah di terima oleh kaum kerabat dan sahabat handai yang terdekat termasuklah isteri baginda dan bekas hamba yang juga anak angkat baginda iaitu Zaid bin Harithah kerana mereka lebih mengenali sifat-sifat yang ada pada nabi Muhammad SAW seperti jujur, ikhlas, dan kebaikan budi baginda. Merujuk kepada sirah nabi-nabi terdahulu, seperti nabi Nuh as, nabi Musa as, nabi Soleh as, didapati bahawa mereka yang mula-mula menerima ajaran nabi adalah dari kalangan orang-orang yang lemah, kanak-kanak dan seumpamanya. Apakah hikmahnya disebalik penerimaan ini? al-Buthy (2003:71) mengatakan bahawa kerana mereka adalah golongan yang ditindas. Apabila datangnya pembelaan dan keyakinan bahawa Allah SWT akan membantu mereka, maka ia menguatkan lagi keyakinan mereka kepada ajaran yang dibawa oleh nabi Muhammad SAW.

Kecintaan para sahabat kepada nabi Muhammad SAW adalah kecintaan yang sebenar. Mereka sanggup berkorban apa sahaja demi kecintaan yang disemai. Kisah Zaid bin Dasinah (al-Nadwi, 2013: 80) menjadi bukti di mana beliau sanggup bermatian menjadi banteng untuk mempertahankan nabi Muhammad SAW daripada dibunuuh oleh kaum Quraisy.

وَأَخْرَجُوا زَيْداً مِّنَ الْحَرْمَ لِيُقْتَلُوهُ، وَاجْتَمَعَ رَهْطٌ مِّنْ قَرِيشٍ، فِيهِمْ أَبُو سَفِيَّانَ بْنَ حَرْبٍ، فَقَالَ لَهُ أَبُو سَفِيَّانَ: أَنْشَدَكَ اللَّهُ يَا زَيْدَ! أَتَحِبُّ أَنَّ مُحَمَّداً عَنْدَنَا الْآنَ فِي مَكَانِكَ وَأَنْكَ فِي أَهْلِكَ، قَالَ: مَا أَحِبُّ أَنَّ مُحَمَّداً الْآنَ فِي مَكَانِهِ الَّذِي هُوَ فِيهِ تَصْبِيَّهُ شُوكَةً تَؤْذِيهِ، وَأَنِّي جَالِسٌ فِي أَهْلِيِّ، قَالَ أَبُو سَفِيَّانَ: مَا رَأَيْتَ مِنَ النَّاسِ أَحَدًا يُحِبُّ أَحَدًا كَحِبِّ أَصْحَابِ مُحَمَّدٍ، ثُمَّ قُتِّلَ.

Maksudnya: "Mereka mengeluarkan Zaid dari tanah Haram untuk dibunuuh. Sekolompok kaum Quraisy telah berkumpul. Antara mereka ialah Abu Sufyan bin Harb. Berkata Abu Sufyan kepada Zaid: "Demi Allah! Wahai Zaid! apakah kamu inginkan Muhammad mengantikanmu sekarang dan kamu akan kembali kepada keluargamu?" Zaid menjawab: "Aku tidak rela Muhammad berada di tempatnya ketika ini dan terkena duri yang menyakitkannya, sementara aku duduk bersama keluargaku". Abu Sufyan berkata: "Aku tidak pernah melihat

orang yang menyintai orang lain seperti mana cintanya pengikut Muhammad kepada Muhammad..” Kemudian Zaid dibunuh”.

Al-Nadwi (2004: 336) menyatakan Zaid bin Dasinah dibeli oleh Safwan bin Umayyah bin Khalaf sebagai membala dendam terhadap kematian ayah dan saudaranya di dalam perang Badar, daripada pasar hamba. Walaupun bukan Zaid bin Dasinah yang membunuh ayah dan saudaranya, tetapi kerana dendam yang kuat Safwan bin Umayyah tidak mengira siapa pun asalkan ianya dari kalangan umat Islam. Zaid bin Dasinah dibeli dan dipenjara oleh Safwan bin Umayyah sehingga tiba hari yang telah ditetapkan untuk membunuhnya. Maka Zaid bin Dasinah pun dibawa ke Tana’im dan setelah diletakkan di pentas penghukuman tiba-tiba naik Abu Sufyan bin Harb dan berkata kepada Zaid bin Dasinah ‘Apakah kamu suka jika aku gantikan tempatmu ini dengan Muhammad?’, dengan tegas Zaid menjawab: ‘tidak sekali-kali aku rela Muhammad mengantikan tempatku’. Zaid sanggup mengorbankan diri demi manusia yang dicintai oleh Allah SWT. Pengakuan Zaid ini mengagumkan Abu Sufyan kerana itu Abu Sufyan berkata: ‘Aku tidak pernah melihat orang yang menyintai orang lain melainkan pengikut nabi Muhammad SAW’. Pengiktirafan Abu Sufyan ini adalah hasil lambang kasih sayang dan pengakuan sahabat nabi buat nabi Allah yang telah diberi pengakuan dengan perbuatan iaitu mengorbankan diri ke jalan Allah SWT. Selepas pengakuan Abu Sufyan terhadap kekaguman terhadap pengikut nabi Muhammad itu, Safwan bin Umayyah mengisyaratkan kepada hambanya yang bernama Nistah untuk membunuh Zaid bin Dasinah dan Nistah terus menikam hingga tembus dadanya.

Begitu juga kisah Tsumamah bin Atsal (al-Nadwi. 2013: 93) yang mengakui akhlak baginda nabi Muhammad SAW:

"وقال: والله ما كان على وجه الأرض وجه أبغض إليّ من وجهك، فقد أصبح وجهك أحب الوجوه إليّ، والله ما كان على وجه الأرض دين أبغض إليّ من دينك، فقد أصبح دينك أحب الأديان إليّ".

Maksudnya: “Dan berkatalah Tsumamah: “Demi Allah, dulu tidak ada orang atas dunia ini yang paling aku benci selain kamu, tetapi sekarang kamu menjadi orang yang paling aku cintai. Dan demi Allah, dulu tiada agama atas muka bumi ini yang paling aku benci selain agama kamu, sekarang agama kamu menjadi agama yang paling aku sukai”.

Tsumamah bin Atsal merupakan ketua Bani Hanifah yang telah diarah oleh Musailamah al-Kazzab pada suatu ketika dahulu untuk membunuh nabi Muhammad SAW. Tetapi dalam peristiwa ini, Tsumamah bin Atsal telah ditangkap dalam keadaan seorang diri oleh tentera Islam ketika operasi yang diketuai oleh Muhammad bin Maslamah. Disebabkan kecerdikan yang dimiliki oleh Tsumamah bin Atsal, dia hanya mendiamkan diri dan biarkan dirinya ditangkap kerana sudah ada niat jahat dihatinya apabila dia ditangkap (al-Nadwi 2004: 366). Menurut al-Mubarakfuri (2017: 542), operasi Muhammad bin Maslamah berlaku setelah selesai perang Ahzab dan permasalahan Bani Quraizah. Ketika operasi ini dijalankan, Tsumamah

ditangkap dan di bawa pulang ke Madinah. Di Madinah Thumamah diikat di sebatang tiang masjid.

Menurut al-Nadwi (2004: 368), walaupun nabi tidak pernah berjumpa dengan Thumamah, tetapi Allah SWT telah memberitahu kepada baginda melalui wahyunya bahawa yang ditangkap tersebut adalah Thumamah bin Atsal dan merupakan pemimpin Bani Hanifah. Lalu nabi mengikat Thumamah di tiang masjid adalah untuk memperlihatkan syiar Islam terhadap Thumamah dan ini merupakan strategi bijak nabi Muhammad SAW. Nabi memerintahkan para sahabatnya melayan Thumamah dengan baik dan meminta isterinya menyediakan makanan yang enak dan mengambil susu unta baginda untuk dihidangkan kepada Thumamah. Selepas Thumamah makan, nabi pergi duduk berdekatan dengan Thumamah dan bertanya khabar mengenai Thumamah lalu bersabda ‘Bukanlah Allah telah menundukkanmu (kepadaku)?’ Thumamah menjawab: ‘Memang benar wahai Muhammad’. Setelah itu nabi berlalu pergi. Dua kali nabi Muhammad SAW menjenguk Thumamah dan berlaku perbualan yang sama di antara mereka. Tetapi berbeza sedikit pada kali kedua kerana hati Thumamah sudah mulai lembut apabila melihat segala ibadah yang dilaksanakan di masjid tempat beliau diikat tersebut. Beliau menambah pada pertanyaan nabi kali ini dengan mengatakan ‘Saya dalam keadaan baik, wahai Muhammad. Sekiranya tuan hendak membunuh saya, bunuhlah saya kerana saya layak dibunuh. Tetapi jika tuan berikan kemaafan, nescaya saya akan mengucapkan terima kasih dengan membalas segala jasa tuan dengan memberikan apa yang tuan mahu’. Nabi tidak menjawab apa-apa dan nabi berlalu pergi.

Pada kali yang ketiga nabi Muhammad SAW bertanya lagi seperti soalan yang lepas dan jawapan yang sama diberikan oleh Thumamah. Lantas nabi meminta supaya Thumamah dibebaskan. Setelah dibebaskan Thumamah dihidangkan dengan makanan terlebih dahulu. Inilah akhlak agung nabi Muhammad SAW masih melayan musuh dengan baik. Setelah dibebaskan Thumamah berjalan menuju ke Baqi’ mencari air untuk membersihkan badan. Setelah bersih Thumamah kembali kepada nabi Muhammad SAW lantas memeluk agama Islam dan berkata bahawa dulu Muhammad adalah manusia yang paling ku benci tetapi sekarang Muhammad adalah manusia yang paling dicintai. Kecintaan Thumamah telah dibuktikan hingga ke akhir hayatnya. Peristiwa ini jelas bahawa Allah boleh merubah perasaan seseorang itu bila-bila masa sahaja.

Begitu juga perakuan yang sama oleh ‘Adi bin Hatim terpesona dan kagum dengan akhlak yang ditunjukkan oleh baginda nabi Muhammad SAW sehingga ‘Adi memeluk agama Islam. Dalam kitab ini al-Nadwi (2013: 135) menukilkan:

”وَقَدْ عَدِيٌّ بْنُ حَاتَمٍ - ابْنُ الْجَوَادِ الْمَشْهُورِ - وَأَسْلَمَ بَعْدَ مَا رَأَى أَخْلَاقَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَتَوَاضِعَهُ، حَتَّىٰ قَالَ: وَاللَّهِ مَا هَذَا بِأَمْرِ مَلَكٍ.”

Maksudnya: “‘Adi bin Hatim ialah seorang dermawan yang terkenal. Dia juga termasuk utusan yang datang kepada baginda. Dia beriman dan memeluk Islam selepas menyaksikan sendiri keindahan akhlak dan tawaduknya nabi Muhammad SAW sehingga dia berkata: ‘Demi Allah akhlak nabi Muhammad SAW lebih mulia daripada malaikat’.

‘Adi bin Hatim seorang Nasrani yang dermawan dan dikagumi oleh kaumnya. Sebelum memeluk agama Islam, ‘Adi mendengar pelbagai pandangan mengenai nabi Muhammad SAW. Justeru itu, ‘Adi ingin melihat sendiri bagaimana keadaan nabi Muhammad SAW itu benar atau dusta. Berlaku beberapa keadaan yang menyedarkan ‘Adi bahawa nabi Muhammad SAW bukan manusia biasa tetapi manusia yang luar biasa akhlaknya.

Menurut al-Buthy (2003: 319), ketika mereka berjalan untuk pergi ke rumah nabi Muhammad SAW tiba-tiba baginda diberhentikan oleh seorang perempuan tua yang mengajukan pelbagai keperluannya dan baginda melayan dengan baik, sedangkan pada pemikiran ‘Adi seorang raja biasa sudah pasti tidak menunggu lama dan memanggil pemimpin bawahannya untuk melayan kehendak perempuan itu. Seterusnya ialah ketika mana sampai di rumah, baginda terus memberikan ‘Adi pelapik bantal untuk duduk, sedangkan baginda duduk di atas lantai dan keadaan rumah yang sederhana dan tidak mempunyai kelengkapan mewah sepertimana pemimpin hebat yang lain. Begitu juga ketika mana mereka berbicara mengenai pelbagai perkara baginda mengatakan beberapa ramalan yang semua ramalan itu terbukti benar dan berlaku ketika ‘Adi masih hidup. Kerana itu, ‘Adi mengatakan bahawa akhlak nabi Muhammad SAW lebih mulia dari para malaikat.

Pengiktirafan Pemimpin

Pengiktirafan nilai-nilai murni terhadap nabi Muhammad SAW diperakui juga oleh raja Najasyi di Habsyah dan Muqauqis di Mesir dinyatakan oleh al-Nadwi (2013: 91):

وَأَمَّا النَّجَاشِيُّ وَالْمَقْوُقُسُ، فَأَكْرَمَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَانَ جَوَابًا رَفِيقًا رَقِيقًا،
وَأَرْسَلَ الْمَقْوُقُسَ هَدَايَا، مِنْهَا جَارِيَتَانَ، وَكَانَتْ إِحْدَاهُمَا مَارِيَةُ أُمِّ إِبْرَاهِيمَ ابْنِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Maksudnya: “Dan adapun Najasyi dan Muqauqis, kedua-duanya memuliakan dan bersikap baik terhadap utusan Rasulullah SAW. Dan adalah jawapan balas yang mereka berikan begitu sopan. Dan Muqauqis mengirimkan hadiah untuk Rasulullah SAW. Di antara hadiah itu ialah dua orang hamba wanita dan adalah salah seorang daripadanya ialah Mariah ibu kepada Ibrahim bin Rasulullah SAW”.

Kedua raja ini menghormati Rasulullah SAW walaupun mereka berkuasa tetapi mereka memuliakan Rasulullah SAW. Menurut al-Nadwi (2004: 1109), utusan nabi yang dihantar kepada raja Habsyah bernama Najasyi ini ialah Amru bin Umayyah Al-Dhamiri dengan membawa dua surat. Surat yang pertama mengajak kepada agama Islam, surat kedua sekiranya raja Najasyi memeluk Islam, baginda mohon raja Najasyi menjadi wali bagi pihak baginda untuk menikahkan baginda dengan Ummu Habibah binti Abu Sufyan yang berada di Habsyah. Terdapat dua orang raja yang bernama Najasyi, Najasyi pertama telah pun memeluk Islam ketika Jaafar bin Abu Talib berhijrah ke Habsyah. Manakala raja Najasyi ini nama yang sama

tetapi belum menyatakan keislaman dan baru sahaja menaiki takhta sebagai raja Habsyah. Setelah membaca surat kiriman nabi Muhammad SAW ini, raja Najasyi mengucapkan dua kalimah syahadah dihadapan Amru dan Jaafar. Selesailah amanat surat yang pertama dilaksanakan, manakala surat yang kedua setelah mengucap kalimah syahadah, raja Najasyi bersetuju menjadi wakil untuk menikahkan baginda dengan Ummu Habibah binti Abu Sufyan dengan berwalikan Khalid bin Said bin al-Ass dan raja Najasyi menghadiahkan kepada baginda mas kahwin sebanyak 400 dinar. Begitulah baiknya layanan seorang raja negara Habsyah kepada nabi Muhammad SAW.

Manakala menurut al-Nadwi (2009: 1100), Hatib bin Abu Baltaah merupakan sahabat nabi yang pintar, cerdik pandai, dan mengetahui adat istiadat mesir di angkat sebagai utusan yang dihantar kepada Muqauqis gabenor Mesir bernaung di bawah pemerintahan kerajaan Rom Timur itu. Apabila Hatib tiba di Mesir, Muqauqis memberikan layanan istimewa kepada Hatib dengan menjamu makanan yang enak-enak. Apabila selesai makan, barulah Muqauqis membaca surat baginda nabi Muhammad SAW. Setelah selesai membaca surat tersebut, Muqauqis berosal jawab dengan Hatib, tetapi masih tidak terbuka hatinya untuk memeluk Islam. setelah beberapa hari Hatib di Mesir, Muqauqis memanggil kembali Hatib untuk berbicara dan menjawab segala pertanyaan Muqauqis. Akhirnya Muqauqis menyatakan bahawa beliau mengakui terdapat tanda-tanda kenabian pada nabi Muhammad SAW, tetapi beliau tidak cukup kuat untuk memeluk Islam kerana memikirkan rakyatnya akan marah dan menjatuhkan beliau sebagai gabenor. Walaupun begitu, Muqauqis tidak membiarkan Hatib pulang dengan tangan kosong, Muqauqis membalas kembali surat kepada nabi Muhammad SAW, dari penulisan surat ini jelas dilihat bahawa Muqauqis memuliakan dan menghormati nabi Muhammad SAW dengan mendahulukan nama baginda terlebih dahulu. Seperti berikut: "Ini adalah surat kepada Muhammad bin Abdullah daripada ketua negara Mesir Muqauqis".

Selain dari surat tersebut, menurut Al-Mubarakfuri (2017: 603) Muqauqis memberikan hadiah untuk dikirimkan kepada nabi Muhammad SAW antara menghadiahkan dua orang dayang iaitu Mariah binti Syam'un dan adiknya Sirin yang mempunyai kedudukan yang terhormat di kalangan Qibti, beberapa helai kain, juga seekor keldai untuk ditunggangi dan lain-lain lagi. Begitulah pengiktirafan raja Habsyah dan gabenor Mesir yang sangat menghormati dan memuliakan baginda nabi Muhammad SAW.

Pengiktirafan Bukan Islam

Nilai-nilai murni nabi Muhammad SAW bukan sahaja di akui oleh keluarga, sahabat yang beragama Islam serta pemimpin tetapi juga diperakui oleh mereka yang bukan beragama Islam. Waraqah bin Naufal ahli kitab yang hebat di zaman itu mengakui bahawa nabi Muhammad SAW adalah manusia luar biasa dan akan diusir oleh kaum baginda sendiri. Seperti petikan ayat al-Nadwi (2013: 27):

"وَتَعْجِبُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ قَالَ وَرَقَةُ: إِنَّمَا سَيُخْرِجُونَكُمْ، لَأَنَّهُ كَانَ يَعْرَفُ مِنْزِلَتَهُ"

عند قريش، فلا ينادونه ولا يخاطبونه إلا بـ«الصادق» وبـ«الأمين» فقال متعجبًا: «أو مخرجٍ

هم؟ .

Maksudnya: “Dan hairanlah Rasulullah SAW ketika mana Waraqah berkata: ‘Sesungguhnya akan datang kamu akan diusir oleh kaummu, sedangkan baginda dikenali kedudukannya di sisi orang Quraisy dan mereka mengelarkan pula baginda dengan gelaran jujur dan amanah. Maka bersabdalah nabi dalam keadaan hairan: Apakah benar kaumku akan mengusirku akan datang?’”.

Waraqah bin Naufal ialah ahli kitab juga merupakan sepupu kepada Khadijah. Apabila di tanyakan mengenai wahyu yang turun kepada Muhammad, dengan yakinnya Waraqah memberitahu bahawa inilah nabi yang di tunggu-tunggu. Menurut al-Nadwi (2004: 182), Waraqah bin Naufal bercita-cita untuk membantu dan membela baginda dengan sedaya upanya tetapi Waraqah bin Naufal telah meninggal dunia terlebih dahulu sebelum Allah perintahkan nabi menyeru kaumnya memeluk agama Islam. Al-Ghazali (1996: 156), menyatakan Waraqah menerangkan akan berlaku peristiwa di mana baginda akan di halau oleh kaumnya. Jelas bahawa kebenaran yang dibawa nabi Muhammad SAW bukan mudah hendak di tanggung baginda. Walaupun setelah 40 tahun baginda dikenali dikalangan kaumnya sebagai manusia yang benar lagi dipercayai tetapi apabila datang kebenaran yang hendak di sampaikan kepada kaumnya. Baginda tetap menghadapi tentangan hebat. Seperti petikan sirah di bawah ini (al-Nadwi. 2013: 116):

فَلِمَّا رَأَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: وَيَحْكُمُ يَا أَبَا سَفِيَّانَ! أَلَمْ يَأْنَ لَكَ أَنْ تَعْلَمَ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ؟، قَالَ: بَأَبِي أَنْتَ وَأَمِّي، مَا أَحْلَمُكَ وَأَكْرِمُكَ وَأَوْصِلُكَ! وَاللَّهُ لَقَدْ ظَنَنتُ أَنْ لَوْ كَانَ مَعَ اللَّهِ إِلَهٌ غَيْرُهُ لَقَدْ أَغْنَى عَنِّي شَيْئًا بَعْدًا. قَالَ: وَيَحْكُمُ يَا أَبَا سَفِيَّانَ! أَلَمْ يَأْنَ لَكَ أَنْ تَعْلَمَ أَنِّي رَسُولُ اللَّهِ؟ قَالَ: بَأَبِي أَنْتَ وَأَمِّي، مَا أَحْلَمُكَ وَأَكْرِمُكَ وَأَوْصِلُكَ! أَمَّا هَذِهِ وَاللَّهُ فَإِنَّ فِي النَّفْسِ مِنْهَا حَتَّى الْآنِ شَيْئًا.

Maksudnya: “Bilamana melihat Rasulullah SAW Abu Sufyan bersabdalah baginda: ‘kasihan kamu wahai Aba Sufyan. Belum tibakah waktunya bagi kamu untuk meyakini bahawa tiada Tuhan selain Allah?’” Aba Sufyan berkata: ‘Demi ayah dan ibuku, sungguh engkau orang yang penuh kasih sayang, sangat mulia dan suka menyambung silaturrahim. Demi Allah, aku menyangka bahawa ada Tuhan selain Allah, kerana ada yang memenuhi keperluanku selain Dia’. Rasullah SAW berkata lagi: “Kasihan kamu wahai Abu Sufyan! belum tibakah lagi bagimu waktu untuk meyakini bahawa aku adalah utusan Allah?” Sufyan berkata: ‘Demi ayah dan ibuku, sungguh engkau adalah orang yang penuh kasih sayang, sangat mulia dan suka menyambung persaudaraan. Adapun tentang ini, demi Allah di dalam diri saya sehingga sekarang masih ada lagi sedikit pertanyaan’.

Menurut al-Nadwi (2004: 450), perbualan di antara Rasulullah SAW dan Abu Sufyan ini berlaku ketika mana peristiwa pembukaan kota Mekah. Begitu sabar dan berakhhlak nabi melayani Abu Sufyan supaya terbuka hatinya menerima ajaran Islam. Walaupun Abu Sufyan sukar untuk menerima Islam, tetapi mengakui akhlak, kemuliaan nabi Muhammad SAW. Selepas itu, nabi bertegas sama ada Abu Sufyan memeluk Islam atau dibunuh. Lalu Abu Sufyan bin Harb memilih Islam setelah dipujuk oleh ‘Abbas bapa saudara nabi Muhammad SAW. Al-Ghazali (1996:630), mengatakan keegoan Abu Sufyan dapat ditundukkan dengan kebijaksanaan nabi Muhammad SAW iaitu sebelum masuknya nabi ke kota Mekah baginda memerintahkan ‘Abbas, bapa saudaranya untuk menahan Aba Sufyan di tengah jalan dan melihat sendiri kekuatan pasukan kaum Muslimin. Begitu juga, apabila nabi memberikan keistimewaan dengan mengatakan ketika mereka memasuki kota Mekah, bahawa sesiapa yang masuk rumah Aba Sufyan ia akan selamat.

Selain itu, kejujuran baginda di pandang tinggi oleh kaum Quraisy Mekah, sepertimana petikan sirah di bawah (al-Nadwi. 2013: 29):

"كان العرب واقعيين عمليين، إنّم رأوا رجالا جربوا عليه الصدق والأمانة والنصيحة، قد وقف على جبل يرى ما أمامه، وينظر إلى ما وراءه، وهم لا يرون إلا ما هو أمامهم، فهذاهم ذكاؤهم وإنصافهم إلى تصديق هذا المخبر الأمين الصادق، فقالوا: نعم. ولما تمت هذه المرحلة الطبيعية البدائية، وتحقق شهادة المستمعين، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: «فإني نذير لكم بين يدي عذاب شديد» .

Maksudnya: “Adalah orang Arab mereka adalah orang yang biasa dengan sesuatu yang nyata didepan mata dan ada bukti, bukan sekadar kata-kata kosong. Sesungguhnya mereka melihat di hadapan mereka sekarang adalah lelaki yang benar, amanah dan sering memberikan nasihat yang baik. Memberitahu kepada mereka bahawa di sebalik bukit di hadapan mereka ini ada pasukan berkuda yang ingin menyerang, sedangkan mereka tidak dapat melihat di sebalik bukit itu. Oleh kerana itu mereka membenarkan apa yang diperkatakan oleh nabi. Setelah itu Rasulullah SAW bersabda: ‘Sesungguhnya aku memberi peringatan kepada kamu jika kamu mengamalkan kesesatan ini, maka di hadapan kamu nanti menanti azab seksaan yang pedih)’”.

Berduyun-duyun orang Quraisy berjalan dan berlari ke arah kaki bukit Safa apabila nabi Muhammad SAW iaitu manusia yang mereka percaya dengan kejujuran dan berakhhlak mulia memanggil mereka untuk berkumpul. Menurut al-Nadwi (2004: 185), di waktu ini sesiapa yang tidak dapat hadir mereka akan mengirimkan wakil untuk mendengar apa yang nabi akan sampaikan. Jelas ketika ini bahawa orang Quraisy mengiktiraf perilaku dan akhlak nabi Muhammad SAW. Setelah semua berkumpul nabi berdakwah dengan membawakan tamsilan bahawa tidak ada sesiapapun mengetahui apa yang ada di sebalik bukit Safa ini. Begitulah juga dengan apa yang nabi bawakan iaitu kebenaran untuk keselamatan dunia dan akhirat, samada

kita menuju syurga atau neraka Allah. Sedangkan syurga dan neraka adalah perkara ghaib yang tidak dapat dibuktikan dengan mata kasar.

Al-Ghazali (1996: 160), menjelaskan bahawa dakwah nabi Muhammad SAW dilaksanakan secara berperingkat, bermula dari diri sendiri, keluarga, kaum kerabat dan kepada negeri dan negara tempat tinggal beliau. Setelah tiga tahun beliau berdakwah secara sembunyi, maka Allah memerintahkan secara terang-terangan. Ketika nabi Muhammad SAW memanggil kaumnya, mereka tertanya-tanya kerana apa mereka di panggil di kaki bukit. Sedangkan nabi Muhammad SAW berada nun jauh di atas bukit. Ucapan baginda dimulakan dengan suatu pertanyaan yang kaumnya tidak dapat melihat. Hanya bergantung kepada kepercayaan sahaja. Ini merupakan simbolik bahawa Islam bukan semata-mata menggunakan logik akal, bahkan memerlukan keyakinan yang jitu untuk mempercayai perkara-perkara ghaib yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar.

Secara keseluruhannya, terdapat pengiktirafan pengakuan terhadap nabi Muhammad SAW ini, di akhir kitab Sirah Khatamun Nabiyyin Lil Atfal (2013: 156) ini ada menjelaskan:

"وَقَدْ وَسَعَ النَّاسَ بِسُطُّهِ وَخَلْقَهُ، فَصَارَ لَهُمْ أَبَا وَصَارُوا عَنْهُ فِي الْحَقِّ سَوَاءً، مَجْلِسٌ مَجْلِسٌ عَلَى
وَحْيَاءٍ وَصَبْرٍ وَأَمَانَةٍ".

Maksudnya: "Dan sesungguhnya semua manusia merasakan kebaikan akhlak Rasulullah SAW sehingga baginda dianggap bapa bagi mereka dan mereka diperlakukan sama rata tanpa membezakan pangkat dan darjah. Majlis Rasulullah SAW adalah majlis yang penuh dengan ilmu, sifat malu, sabar dan bertanggungjawab.

Menurut al-Nadwi (2004: 564), nabi Muhammad SAW adalah manusia seperti kebiasaan manusia lain. Perkara yang membezakan nabi Muhammad SAW dengan manusia lain ialah ketinggian nilai-nilai murni pada peribadinya yang indah lagi sempurna menjadi kekuatan untuk baginda menghadapi segala ujian, dugaan dan cabaran dalam menyeru manusia menyembah dan mengagungkan Allah SWT. Antara sifat fizikal nabi Muhammad SAW ialah baginda berbadan sederhana, tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah. Mukjizat beliau ialah apabila baginda berdiri dalam kelompok orang ramai dengan izin Allah SWT baginda dilihat manusia yang paling tinggi dalam kelompok tersebut.

Petikan ayat ini terdapat dihujung bab buku iaitu pada bab akhlak dan sifat Rasulullah SAW. Akhlak beliau tidak ada tolak bandingnya lagi. Kaum Muslimin mengakui kebaikan akhlak baginda dan beruntunglah para sahabat yang hidup di zaman baginda merasai kasih sayang dan akhlak baginda. Namun begitu, kita di zaman ini masih boleh merasai akhlak baginda melalui al-Quran dan sirah yang telah dinukilkan oleh para alim ulama. Melalui penulisan mereka inilah kita dapat merasai betapa agungnya akhlak baginda nabi Muhammad SAW dan ambil sebagai panduan buat kita semua.

Kesimpulan

Hasil dari analisis ini dapat disimpulkan pengiktirafan nilai-nilai-murni nabi Muhammad SAW dari kitab Sirah Khatamun Nabiyyin Lil Atfal karangan Abi Hasan Al-Hasani AL-Nadawiy menunjukkan bahawa nabi Muhammad SAW sangat di akui.

Rujukan

- Abdullah Basmeih. (2001). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir. Cetakan 12.
- al-Buti, Muhammad Sa’id Ramadan. (2003). *Fiqh al-Sirah al-Nabawiah*. Damsyik: Dar al-Fikr al-‘Asqalani, Ibn Hajar, (2000) *Fathul al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Dar al-Rayyan li al-Turath , Kaherah.
- al-Ghazali, Muhammad. (1996). *Fiqhus Sirah*. Terj: Abu Laila dan Muhammad Tohir. Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa Sdn. Bhd.
- Mawdudi, Sayyid Abu al-A‘la. 1992. The meaning of the Quran. 7th edition, Trans. Lahore: Islamic Publications (PVT) Limited.
- al-Mubarakfuri, Saffiyu al-Rahman, (2017) *Sirah Nabawiah*. Putrajaya: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- al-Nadwi, Abi al-Hasan Ali al-Hasani. (2009). *Riwayat Hidup Rasulullah SAW Edisi Lengkap*. Warisan Ilmu Publications.
- al-Nadwi, Abi al-Hasan Ali al-Hasani. (2013). *Sirah Khatamun Nabiyyin Lil Atfal*. Qaherah: Dar al-Kalimah Lil Nasyr Wa al-Tauzi’.